

22 JUL 1997

Asean-Rasional

AMERIKA DAN EU MULA LIHAT RASIONAL ASEAN MENERIMA MYANMAR

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (EU) kini mula menghargai keputusan Asean untuk menerima kemasukan Myanmar ke dalam pertubuhan serantau itu, kata penasihat keselamatan presiden Majlis Keselamatan Kebangsaan, Filipina, Jose Almonte hari ini.

"Amerika dan EU kini mula menghargai rasional Asean menerima kemasukan Myanmar dalam pertubuhan itu," katanya kepada pemberita pada Kongres Kedua Asean ketika ditanya mengenai kemasukan negara itu ke dalam pertubuhan serantau itu.

Beliau berkata keputusan Asean untuk menerima Myanmar ke dalam pertubuhan itu adalah satu rasional strategik dan dengan menjangka bahawa melalui masa perubahan akan berlaku di negara itu.

Myanmar dan Laos akan secara rasmi menjadi anggota penuh Asean esok pada satu majlis khas sehari menjelang Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30.

Amerika, EU dan Jepun telah membantah langkah Asean untuk menerima Myanmar ke dalam pertubuhan itu.

Almonte berkata syarat-syarat hak asasi manusia di Myanmar akan menjadi lebih teruk jika ia tidak menyertai Asean kerana kerajaan itu menghadapi banyak masalah sama ada di dalam atau di luar negara itu.

Ketika ditanya sama ada Asean yakin bahawa ia boleh membawa perubahan kepada Myanmar, Almonte berkata Asean telah berjaya menyelesaikan banyak masalah pada masa lampau dan anggota-anggota Asean kini semakin makmur.

"Ketika Asean diwujudkan 30 tahun lalu, tiada sesiapa memikirkan mengenai apa yang kita telah capai hari ini di Malaysia dan Singapura, dengan negara-negara lain mengikuti rapat di belakang...berilah peluang kepada Myanmar," katanya.

Mengenai masa depan Asean, Almonte berkata pertubuhan serantau itu perlu meningkatkan kekuatannya untuk mengatasi sebarang serangan politik dan ekonomi dari luar rantau ini.

"Saya gembira dengan kenyataan (Perdana Menteri Malaysia) (Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad bahawa ada motif politik di belakang krisis Baht dan Peso sekarang...sekurang-kurangnya dunia tahu mengenai wujudnya motif sedemikian," katanya.

Beliau berkata kerajaan Filipina sedang menyiasat mengenai kemungkinan wujud motif politik yang menyebabkan pergolakan Peso. -- BERNAMA

MT AKD